

Headline	Sambutan hebat JMFR 2016		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 May 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	9
ArticleSize	810 cm ²	Journalist	RIDZAUDDIN
PR Value	RM 63,063		



PARA peserta JMFR 2016 dilepaskan dari Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah di Manjung.



SETELAH mengayuh sejauh 130 kilometer, sebahagian peserta menyejukkan badan di bawah pancutan air yang disediakan.

Program anjuran TNB Janamanjung kali ini tarik minat 1,450 peserta dalam dan luar negara

Sambutan hebat JMFR 2016

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

CUACA panas yang melanda negara ekoran fenomena El Nino tidak menjadi penghalang kepada 1,450 peserta Janamanjung Fellowship Ride 2016 (JMFR) untuk memeriahkan acara kayuhan basikal sepanjang 130 kilometer (km) anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) Janamanjung baru-baru ini.

Jelajah berbasikal yang memasuki edisi kesembilan ini diperkenalkan pada tahun 2008.

JMFR 2016 bukan sahaja berjaya menarik penyertaan peserta dari dalam negara, malah turut membuka minat peserta luar negara termasuk dari Jepun, United Kingdom dan Australia.

Acara berprestij ini turut menarik minat peserta seawal usia 13 tahun hingga 70 tahun untuk berbasikal sejauh 130km merentasi Manjung, Beruas, Bota dan Tanjung Belanja.

Sementara itu, Naib Presiden (Penjanaan) TNB, Datuk Zainudin Ibrahim berkata, selain bertujuan



AMAT SAZALI



MUHAMMAD HAZIM



CINDY



ZAINUDIN

mempromosikan tempat-tempat menarik di sekitar negeri Perak, penganjuran JMFR juga seiring objektif TNB melahirkan warga kerja ceria, sihat dan bertenaga menerusi acara riadah berbasikal tersebut.

"Secara tidak langsung, mutu dan perkhidmatan yang berkualiti dapat ditawarkan oleh TNB kepada anggota masyarakat menerusi perkhidmatan yang ditawarkan oleh kakitangan yang sihat," kata Zainudin ketika merasmikan JMFR 2016 di Manjung, Perak baru-baru ini.

JMFR juga bertujuan memberitahu masyarakat bahawa teknologi pembakaran arang batu yang digunakan oleh TNB Janamanjung untuk menjana elektrik adalah selamat

dan mesra alam serta sejajar dengan slogan yang didukung oleh TNBJ iaitu 'Technology In Harmony with Nature'.

Sempena JMFR 2016, TNB Janamanjung menyumbangkan RM12,000 kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Muhammad Shah, Parit; Sekolah Kebangsaan (SK) Beruas, SK Kampung Kota, Beruas dan Masjid Raudhatul Mardiah yang terletak di sepanjang laluan kayuhan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporatnya.

Dalam pada itu, seorang peserta, Amat Sazali Abu Hassan, 52, berkata, dia berasa sungguh teruja dan seronok menyertai JMFR kerana ia antara penganjuran kayuhan basikal terbesar di negara ini dan mendapat sambutan menggalakkan.

"Selain dapat beriadah dan mengeluarkan peluh, saya berpeluang berkenalan dengan ramai rakan baharu



ADUN Pengkalan Baharu, Datuk Abdul Manaf Hashim (barisan depan, tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan TNB Janamanjung dengan jumlah keseluruhan RM12,000 kepada wakil SK Beruas dan SK Kampung Kota baru-baru ini.

yang mempunyai minat yang sama iaitu berbasikal. Banyak informasi yang dapat dikongsi," katanya yang merupakan seorang pegawai pendidikan berasal dari Pulau Pinang.

Muhammad Hazim Zainal Anuar, 13, pula berkata, dia seronok melihat suasana kampung yang begitu tenteram

dan mendamaikan di sepanjang laluan kayuhan selain memberikan suatu pengalaman berharga baginya.

Bagi Cindy Goh Miow Ee, 31, pujian terbaik perlu diberikan kepada penganjur yang berjaya memastikan aliran trafik dikawal baik dan peserta tidak menghadapi banyak masalah sepanjang perjalanannya.



JMFR 2016 menjadi medan peserta individu dan berpasukan mengukur kemampuan diri.

Acara berprestij ini turut menarik minat peserta seawal usia 13 tahun hingga 70 tahun untuk berbasikal sejauh 130 kilometer merentasi Manjung, Beruas, Bota dan Tanjung Belanja.